



TMIM rancang keluar dua direktori

KUALA LUMPUR 14 Ogos – Selepas menerbitkan lima direktori, TM Info-Media Sdn. Bhd. (TMIM) merancang untuk mengeluarkan dua lagi direktori iaitu e-ICT dan e-Home dalam direktori dalam talian *Yellow Pages* tidak lama lagi.

Ketua Pegawai Eksekutif TMIM, Nasaruddin Mohd. Zaini berkata, syarikat itu sedang berbincang dengan Persatuan Industri Komputer dan Multimedia (PIKOM) untuk penerbitan e-ICT.

“e-Home pula adalah direktori berkaitan kediaman termasuk landskap dan sebagainya. Kami berharap ia dapat diterbitkan tidak lama lagi,” katanya ketika ditemui selepas majlis menandatangani kerjasama strategik dan pelancaran direktori e-Halal, e-Holiday dan e-Dining.

Majlis itu disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Terdahulu, TMIM menandatangani tiga perjanjian kerjasama dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), FlyFirefly Sdn. Bhd. (Firefly) dan FriedChillies Media Sdn. Bhd. (FriedChillies) untuk menerbitkan Halal Pages (e-Halal), Malaysia Tourist Pages (e-Holiday) dan direktori tempat makanan dan minuman (e-Dining).

Dengan pelancaran tiga produk itu TMIM memiliki lima direktori termasuk e-Yellow Pages dan e-Catalogue.

e-Halal adalah versi majalah *Halal Pages*

yang dicetak dan ia hanya membenarkan syarikat yang disahkan halal untuk mempromosikan iklan produk dan perkhidmatan halal mereka.

Di bawah kerjasama itu TMIM akan mereka, mencetak, mengedar, mempromosi dan memasarkan semua ruang iklan dalam e-Halal dan *Halal Pages* sementara UIAM membekalkan artikel untuk e-Halal.

Sementara e-Holiday pula direktori khusus untuk mempromosikan produk pelancongan tempatan, yang akan dimuat turun dalam laman web Firefly.

e-Dining adalah direktori digital yang menyenaraikan tempat makanan dan minuman di Malaysia, yang dijalankan dengan kerjasama FriedChillies.

Ketiga-tiga direktori tersebut boleh diperolehi melalui www.yellowpages.com.my secara percuma.

Nasaruddin berkata, anak syarikat Telekom Malaysia Bhd. (TM) itu mempunyai rancangan bagi menerbitkan lebih banyak direktori.

Ia kerana, TMIM mempunyai kapasiti dan teknologi yang membolehkan syarikat tersebut menerbitkan lebih banyak direktori.

Tambah beliau, syarikat itu masih mengekalkan model perniagaan yang sama dalam penerbitan *Yellow Pages* iaitu tanpa mengenakan bayaran dan caj kepada pengguna.